

16 JUL 1997

Asean-Kemboja

TIADA TANDA KEMBOJA SERTAI MESYUARAT MENTERI ASEAN

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Kemboja tidak memberi sebarang petunjuk sama ada ia akan menghantar wakilnya ke Mesyuarat Peringkat Menteri Asean (AMN) di sini minggu depan, kata Ketua Setiausaha Agung Kementerian Luar Datuk Abdul Kadir Mohamad hari ini.

"Sehingga kini, kami masih belum menerima pengesahan sama ada mereka akan datang atau siapa yang akan datang.

"Kami harap akan mendapat gambaran yang lebih jelas apabila menteri-menteri luar mula tiba di sini," katanya ketika memberi taklimat kepada pemberita mengenai persiapan bagi mesyuarat kali ke-30 itu.

Katanya menteri luar mungkin menyentuh isu mengenai Kemboja yang telah diberikan taraf pemerhati dua tahun lepas dan sepatutnya menyertai pertubuhan serantau itu bersama-sama Laos dan Myanmar pada mesyuarat itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan mesyuarat itu pada 24 Julai ini.

Pada mesyuarat khas 10 Julai lepas, menteri-menteri luar Asean memutuskan untuk menanggukkan kemasukan Kemboja dalam pertubuhan itu berikutan pertempuran yang meletus 6 Julai lepas antara tentera yang menyokong Perdana Menteri Pertama Putera Norodom Ranariddh dan yang menyokong Perdana Menteri kedua Hun Sen.

Ketika ditanya sama ada Ranariddh akan menyertai mesyuarat itu, Kadir berkata Wisma Putra tidak tahu mengenai programnya atau di mana beliau berada sekarang.

Katanya Myanmar dan Laos akan diterima masuk sebagai anggota Asean pada petang menjelang mesyuarat tu.

Mesyuarat itu akan diikuti Forum Serantau Asean (ARF) selama sehari yang akan membincangkan mengenai isu keselamatan serantau.

Bagaimanapun tidak ada agenda tertentu di antara negara-negara anggota Asean dan rakan dialog mereka, katanya.

Buat pertama kalinya, forum kali ini membenarkan menteri diiringi dua orang pegawai berbanding hanya seorang pegawai sebelum ini.

Kadir juga berkata persidangan selepas mesyuarat peringkat menteri (PMC) akan diadakan pada 28 dan 29 Julai. Persidangan tahunan itu adalah antara negara Asean dan 10 rakan dialognya.

Rakan dialog itu terdiri daripada Australia, Amerika Syarikat, Kanada, Kesatuan Eropah, New Zealand, China, Korea Selatan, Jepun, Rusia dan India.

Kadir berkata negara-negaraitu telah membayangkan yang mereka akan diwakili diwakili menteri luar masing-masing termasuk Setiausaha Negara Amerika Syarikat Madeleine Albright.

Papua New Guinea yang diberi hak pemerhati akan menyertainya sebagai wakil khas.

Kadir berkata Perdana Menteri India Inder Kumar Gujral yang juga Menteri Luar India menyatakan hasratnya untuk menyertai mesyuarat itu.

Gujral menyertai ARF pada tahun lepas dan persidangan selepas mesyuarat peringkat menteri PMC sebagai menteri luar di bawah kerajaan Deve Gowda ketika itu.

Kadir berkata selaras dengan era komputer kini, mesyuarat itu juga boleh diikuti menerusi Internet iaitu -- <http://aseansec.org>. Kira-kira 300 media luar negara dan 200 tempatan dijangka membuat liputan mengenai mesyuarat itu. -- Bernama

TEAM MS NMO